

Malaysia sedia anjur WRC 2008

Um - 10/2/2008

Oleh FAUZI JAAFAR
dan ABDUL HAFIZ AHMAD

KUALA LUMPUR 9
Feb. - Malaysia bersedia meng-
anjurkan Kejohanan Rali Dunia
(WRC) sekurang-kurangnya
dalam tempoh dua tahun lagi,
kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri
berkata, buat masa ini Malaysia
sedang berusaha untuk memenu-
hi kriteria yang ditetapkan oleh
Persekutuan Automobol Antara-
bangsa (FIA) sebelum layak me-
nganjurkan kejohanan dunia itu.

Usaha itu juga kata beliau,
akan meletakkan nama Malaysia
di persada antarabangsa.

"Kita (kerajaan) sedang ber-
usaha untuk menganjurkan
WRC. FIA sedang memantau
dan memerhatikan kita dan kita
bekerjasama dengan mereka
(FIA) untuk mendapatkan hak
penganjuran," katanya.

Beliau berkata demikian pada
sidang akhbar selepas melancar-
kan Kejohanan Rali Malaysia
Felda-AAM (FMRC) 2006 di De-
wan Perdana Felda di sini, hari
ini.

Turut hadir Menteri Belia dan
Sukan, Datuk Azalina Othman
Said, Pengerusi Persatuan Auto-
mobol Malaysia (AAM), Datuk
Mudzaffar Tunku Mustapha,
Timbalan Presiden FIA, Nazir
Hoosein dan Pengerusi Lembaga
Kemajuan Tanah Persekutuan

**Felda mempunyai sumber yang
tepat untuk ditawarkan kepada sukan
permotoran lasak seperti ladang
kelapa sawit sebagai litar lumba**

**NAJIB
TUN
RAZAK**
Timbalan
Perdana
Menteri

(Felda), Tan Sri Dr. Yusof Noor.

Najib berkata, Felda mempun-
yai sumber yang tepat untuk di-
tawarkan kepada sukan permoto-
ran lasak seperti ladang kelapa sa-
wit sebagai litar lumba yang
memberi cabaran kepada pelum-
ba.

Tambah beliau, WRC yang
dijalankan di ladang-ladang kela-
pa sawit akan memberi publisiti
yang besar kepada negara selain
membuka peluang kepada ma-
syarakat Felda membabitkan diri
dalam bidang sukan permotoran
lasak.

Mengulas mengenai penglibat-
tan Felda dalam FMRC, beliau
berkata agensi itu memperun-
tukkan sebanyak RM1 juta untuk
menjayakannya.

"Kejohanan ini akan dijalankan
berterusan dalam jangka masa
yang panjang," jelas beliau yang
juga Pengerusi Jawatankuasa
Kabinet Pembangunan Sukan.

FMRC akan bermula pada 24
hingga 26 Mac ini di Pekan,
Pahang sebelum pusingan kedua
beralih ke Perlis (19-21 Mei),
Johor (18-20 Ogos) dan kembali
ke Pahang bagi pusingan keem-
pat (17-19 November).

Menurut Najib, FIA meru-
pakan pemerhati rali kebangsaan
Malaysia pada 2003 dan 2004,
malah mereka memberikan hak
penganjuran Kejohanan Rali
Asia Pasifik (APRC) semula ke-
pada negara ini pada tahun lalu.

Kerajaan kata beliau, turut
mengiktiraf sukan bermotor se-
bagai salah satu cara terbaik
mempromosi minyak sawit ke
pasar antarabangsa.

Sementara itu, Yusof berkata,
FMRC merupakan usaha terbaru
Felda untuk memastikan Malay-
sia mendahului negara pengeluar
minyak sawit lain kerana cara
pemasaran yang biasa mungkin
sudah ketinggalan zaman.

"Aktiviti seperti rali ini me-
mang belum pernah dijalankan
Felda tetapi kini merupakan sa-
lah satu pelan perniagaan agensi
itu kerana Felda mesti kreatif, se-
suai dengan keadaan semasa,"
katanya.

Bagaimanapun beliau menolak
andaian bahawa Felda kini cuba
mengikut jejak Petroliam Nasio-
nal (Petronas) yang telah mence-
buri sukan Formula Satu (F1) de-
ngan menyertai sukan permoto-
ran rali.



MOHD Najib Tun Abdul Razak melancarkan Felda-AMM Malaysia Rally Championship 2006 di Dewan Perdana Felda di Kuala Lumpur, semalam.

PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
KUALA LUMPUR
PERDANA